

NO. SOALAN : 572

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik lima kumpulan etnik termiskin masing-masing di Sabah dan Sarawak dan lima kumpulan etnik termiskin di Malaysia daripada segi kadar kemiskinan dan kategori kumpulan seperti kumpulan Murut, Melayu, Kadazan, Cina dan seumpama.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 2012 kadar kemiskinan di Malaysia, Sabah dan Sarawak mengikut etnik di adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1: Kadar Kemiskinan Malaysia, Sabah dan Sarawak Mengikut Etnik Tahun 2012

Perkara	KADAR KEMISKINAN (%)
MALAYSIA	1.7
ETNIK	
Bumiputera	2.2
India	1.8
Lain-lain	1.5
Cina	0.3
SABAH	8.1
ETNIK	
Bumiputera lain ¹	14.3
Bajau	13.6
Kadazan/Dusun	9.9
Murut	7.1
SARAWAK	2.4
ETNIK	
Iban	3.2
Bumiputera Lain ²	3.2
Melayu	2.9
Melanau	2.7
Bidayuh	2.5

Nota:

1 terdiri daripada Orang Sungai/Sungoi; Rungus; dan Suluk

2 terdiri daripada Kayan; Kejaman; Kenyah; Lun Bawang/Murut; dan Tagal

Berdasarkan kepada jadual di atas, kadar kemiskinan di Sabah adalah 8.1% berbanding kadar kemiskinan Malaysia, 1.7%. Kadar kemiskinan yang paling tinggi dalam kalangan etnik di Sabah adalah daripada kaum Bumiputera lain yang terdiri daripada Orang Sungai; Rungus dan Suluk iaitu 14.3%.

Bagi Sarawak pula, kadar kemiskinan adalah 2.8%. Kaum Iban dan Bumiputera lain yang terdiri daripada kaum Kayan;Kejaman;Kenyah;Lun Bawang/Murut dan Tagal mencatatkan kadar kemiskinan yang paling tinggi berbanding etnik lain di Sarawak iaitu masing-masing 3.2%.

Sekian, terima kasih